

Kantin mungkin diarah tutup

KUALA LUMPUR, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak suka kantin diwujudkan dalam bangunan-bangunan pejabat Kerajaan kerana ia mungkin disalahgunakan sebagai tempat membocorkan rahsia Kerajaan.

Sebaliknya, Ketua-ketua jabatan disor melantik atau menyediakan pembantu pejabat sendiri menguruskan hidangan untuk pegawai dan kakitangan di waktu-waktu rehat jam 10.00 pagi dan 3.00 petang.

Langkah itu berikutan

Oleh **ZAINUDDIN AYIP**

sebilangan kecil pegawai dan kakitangan Kerajaan dipadang menggunakan kantin untuk berbulat atau memboritahu orang-orang tertentu (secara sengaja atau tidak sengaja) mengenai rancangan dan maklumat Kerajaan yang dianggap rahsia.

Sumber-sumber memberitahu, Datuk Seri Dr. Mahathir juga tidak mahu pegawai dan kakitangan Kerajaan berbulat dan menghabiskan masa begitu lama di kantin hingga menjejaskan kerja-kerja pejabatnya.

Melayan kawan

Terdapat sebilangan mereka menggunakan kantin untuk melayan rakan-rakan atau keluarganya di waktu bekerja, kata sumber-sumber

itu lagi.

Menurut sumber-sumber itu, Perdana Menteri berpendapat, melantik seorang pembantu pejabat ditugaskan khusus menyediakan hidangan adalah lebih ekonomik dan tidak menyusahkan pegawai dan kakitangan Kerajaan turun naik dari kantin ke pejabat.

Dengan membayar gaji kira-kira £200 sebulan kepada pembantu pejabat, Kerajaan bukan saja dapat menambahkan peluang pekerjaan, tapi juga boleh mengelakkan rahsia Kerajaan tidak bocor kepada orang lain.

"Malah dengan penyediaan hidangan di pejabat masing-masing, pegawai dan kakitangan Kerajaan boleh berbincang mengenai kerjanya atau sekurang-kurangnya mereka bertugas semula lebih cepat," kata sumber-sumber itu lagi.

Bagaimanapun, sumber itu tidak menyatakan soal penyediaan makan tengahari (dari 12.45 tengahari hingga 2.00 petang). Besar kemungkinan pembantu itu tidak akan diarah menyediakan makanan tengahari.

Soal penyediaan minuman di waktu rehat jam 10.00 pagi dan 3.00 petang telahpun dilaksanakan di beberapa jabatan Kerajaan khususnya di Bangunan Pejabat-pejabat Kerajaan Jalan Duta, di sini.

Ponteng

Beberapa agensi Kerajaan termasuk PETRONAS dan lain-lain syarikat awasia terkemuka juga menyediakan minuman di pejabat masing-masing tanpa menyusahkan pegawai atau kakitangannya pergi ke kantin.

Langkah itu bertujuan mengelakkan pegawai-pegawai tertentu ponteng atau menghabiskan masa di kantin dengan perbuatan atau kerja-kerja yang tidak berfaedah.

Sementara itu, Ketua Penjarah Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Perancangan (MAMPU), Dr. Manassa (MAMPU), Dr. Mohd. Noor Abdul Ghani ketika diminta mengulas mengenai perkara itu berkata:

"Cadangan Perdana Menteri itu baik dan ada alasan-alasan tersendiri. Jika kantin besar-besaran digunakan sebagai tempat membocorkan rahsia Kerajaan, adalah elok jika tempat ini ditiladkan," katanya.

Beliau berkata, di pejabatnya — MAMPU juga tidak menyediakan kantin, sebaliknya pegawai dan kakitangannya disediakan minuman sendiri di waktu-waktu rehat jam 10.00 pagi dan 3.00 petang.

No. Siri 12,354
No. Pener.mann 4167/87